



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 21 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	KONFLIK RUSIA-UKRAINE BERI KESAN BEKALAN MAKANAN - MAFI, NASIONAL, HAKAKAH -6 KEMASUKAN AYAM IMPORT TIDAK JEJAS PENGUSAHA TEMPATAN, NASIONAL, HAKAKAH -6 MAFI, LKIM BELA NASIB GOLONGAN SASAR, NEGARA, KOSMO -6 TITIAN NELAYAN BERNILAI RM1 JUTA SIAP DIBINA DI KAMPUNG KENIOGAN, SH -ONLINE MAFI PRIHATIN KEPERLUAN NELAYAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9.	APMM RAMPAS 46 BUBU NAGA, NASIONAL, BH -18 APMM RAMPAS 46 SET BUBU NAGA DIPERAIRAN PERLIS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -20 RAMPAS 46 BUBU NAGA DIHARAMKAN, LOKAL, HM -8 APMM RAMPAS 46 SET BUBU NAGA ROSAKKAN EKOSISTEM, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13. 14.	SIN CHEW -ONLINE LEPAS SISA PENCEMARAN LEPAS HUJAN?, DALAM NEGERI, UM -4 CARI FORMULA TURUNKAN HARGA BARANG DAHULU, DALAM NEGERI, UM -8 DIBERHENTIKAN KERJA, YUSRI BERJAYA BUKA BISNES TELUR, DALAM NEGERI, UM -30 SOUR FACTORS IN FRUIT PRICE HIKE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Konflik Rusia-Ukraine beri kesan bekalan makanan - MAFI

Oleh NOOR SARA  
MASHITOH MOHAMAD  
HANIF

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengakui bahawa konflik Rusia-Ukraine akan memberatkan kesan kepada rantalan bekalan makanan global, termasuk Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Seri Dr Ronald Klandee, berkata konflik ini akan memberi kesan langsung, terutama kepada import pertanian melibatkan keperluan input pertanian seperti baja dan bahan makanan seperti gandum dan sediaan bijirin, serta lemak sayuran dan haiwan.

Sehubungan itu, katanya MAFI mengambil beberapa langkah proaktif untuk menangani impak konflik Rusia-Ukraine bagi memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian mencukupi.

"Antara tindakan berkenaan ialah meningkatkan pengeluaran tanaman melalui kaedah penanaman secara moden atau IR4.0 seperti pertanian tepat, penggunaan dron dan kilang tanaman.

"MAFI juga menggalakkan penggunaan baja alternatif atau organik bagi mengurangkan kebergantungan kepada baja sintetik," kata-



Dato' Seri Dr Ronald Klandee

nya menjawab soalan lisan Che Alias Hamid (PAS-Kemaman) di Dewan Rakyat.

Che Alias meminta langkah proaktif MAFI bagi memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian mencukupi berikutan konflik antara Rusia dan Ukraine yang masih berterusan.

Dr Ronald berkata, MAFI menggalakkan penggunaan bahan makanan ternakan tempatan seperti penggunaan isirong kelapa sawit, selain jagung dan hampas soya serta menggalakkan petani menggunakan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu bagi mengurangkan penggunaan racun kimia.

Menurutnya, kerajaan juga mengenal pasti beberapa negara sumber alternatif baharu bagi menampung kekurangan bekalan import bahan mentah dan input pertanian.

## Kemasukan ayam import tidak jejaskan pengusaha tempatan

**KUALA LUMPUR:** Kemasukan ayam import tidak menjejaskan pengusaha ayam tempatan kerana kebenaran mengimport hanya bersifat sementara sehingga bekalan ayam dalam negara dapat distabilkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kebenaran mengimport diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, pada 1 Disember tahun lalu.

Selain itu, katanya jumlah ayam yang diimport adalah kecil, iaitu kira-kira 8.8 peratus daripada keperluan pengguna sedangkan purata keperluan ayam negara adalah sebanyak 3,762 tan metrik (2.1 juta ekor) sehari atau 113,220 tan metrik (62.9 juta ekor) sebulan.

"Antara Oktober hingga Disember tahun lalu, negara berhadapan kekurangan

bekalan ayam sebanyak 8.5 peratus (9,601 tan metrik/5.3 juta ekor)," katanya ketika menjawab soalan lisan Shaharizukirmain Abd Kadir (PAS-Setiu) di Dewan Rakyat.

Sebagai langkah mengatasi kekurangan tersebut, Ahmad berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membuka kebenaran mengimport sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan mulai Disember 2021 hingga Mei 2022.

Menurutnya, 36 syarikat diberi kebenaran mengimport ayam bulat dan keratan dari loji luar negara yang diiktiraf serta tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Beliau berkata, MAFI sentiasa peka terhadap penternak tempatan dalam memastikan bekalan mencukupi dengan harga yang berpatutan untuk pengguna.



RONALD (kiri, depan) menyampaikan bantuan persekolahan kepada salah seorang daripada 130 murid SK Kenogon di Beluran semalam.

## MAFI, LKIM bela nasib golongan sasar.

**BELURAN** - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Ikan Malaysia (LKIM) komited dalam memastikan kebajikan semua golongan sasar sentiasa terbela.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, pembinaan titian nelayan di kampung Kenogon, Beluran sekalligus dapat memberikan lebih keselesaan kepada semua penduduk khususnya golongan nelayan memandangkan keadaan titian lama telah usang dan tidak lagi sesuai digunakan.

Menurutnya, titian nelayan tersebut telah siap pada 13 Mac lalu dengan kos keseluruhan sebanyak RM1 juta.

"MAFI akan terus melihat keperluan kemudahan asas dan infrastruktur yang diperlukan oleh kampung-kampung nelayan seluruh negara dan mendapatkan perhatian Kementerian Kewangan untuk permohonan dana tambahan bagi memastikan semua inisiatif di bawah LKIM diteruskan.

"Kerajaan melalui LKIM juga memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjaga kebajikan serta terus memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan mengurangkan bebanan nelayan," katanya

dalam kenyataan semalam.

Selain itu, katanya, bagi membangunkan infrastruktur jeti sedia ada, 18 lagi jeti dan titian di sekitar kampung-kampung nelayan di Beluran berada dalam perancangan LKIM untuk dibaik pulih, dinaik taraf serta bina baharu yang akan memberi kemudahan pendaratan ikan yang lebih baik.

"LKIM juga sedang mengkaji kesesuaian tapak untuk membina sebuah kompleks pendaratan ikan moden di tanah LKIM di Sandakan," ujarnya.

Dalam pada itu, ujarnya, sebanyak RM150 juta diperuntukkan pada tahun ini bagi menyediakan bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, Bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program Food Basket Nelayan.

"Terdapat 582 nelayan aktif di kawasan berkenaan telah menerima ESHN. Bermula Januari 2021, kadar RM250 juga telah ditingkat kepada RM300 sebulan yang memberi manfaat kepada 35,000 nelayan laut seluruh negara," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Titian nelayan bernilai RM1 juta siap dibina di Kampung Keniogan



Ronald (dua dari kanan) ketika menyerahkan replika cek peruntukan sebanyak RM3 juta bagi Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) di Beluran semasa Program Jelajah Nelayan Beluran pada Ahad.

SHAH ALAM - Sebuah titian nelayan di Kampung Keniogan, Beluran, Sabah dengan kos keseluruhan bernilai RM1 juta berjaya disiapkan pada 13 Mac lalu bagi menggantikan titian lama yang sudah

usang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pembinaan infrastruktur tersebut akan memberikan keselesaan kepada penduduk di Kampung Keniogan khususnya golongan nelayan memandangkan keadaan titian lama yang usang tidak lagi sesuai untuk digunakan.

“MAFI akan terus melihat keperluan kemudahan asas dan infrastruktur lain yang diperlukan oleh kampung nelayan seluruh negara dan mengangkat kepada perhatian Kementerian Kewangan untuk permohonan dana tambahan bagi memastikan semua inisiatif dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dapat diteruskan.

“Kerajaan melalui LKIM sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjaga kebajikan serta terus memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan mengurangkan bebanan nelayan,” katanya turut merasmikan titian nelayan itu pada Ahad.



Ronald (tengah) ketika merasmikan titian nelayan di Kampung Keniogan, Beluran, Sabah pada Ahad.

Bagi membangunkan infrastruktur jeti sedia ada, LKIM memaklumkan usaha membaik pulih turut dilakukan di tiga lokasi lain iaitu di Jeti Kampung Muanad II, Jeti Kampung Seri Menanti dan Jeti Kampung Keramat.

Menurut kenyataan beliau, 18 lagi jeti dan titian di sekitar kampung-kampung nelayan di Beluran sedang dalam perancangan LKIM untuk dibaik pulih, dinaik taraf serta bina baharu yang akan memberi kemudahan pendaratan ikan yang lebih baik.

Setakat ini, LKIM membina sebanyak 46 buah kompleks pendaratan ikan bagi membantu nelayan mendaratkan dan memasarkan hasil tangkapan ikan.

Agensi itu pada masa sama juga sedang melakukan kajian kesesuaian tapak bagi membina sebuah kompleks pendaratan ikan moden di tapak tanah LKIM di Sandakan.

Dalam pada itu, Ronald pada Ahad turut menjayakan Program Jelajah Nelayan Beluran dengan meninjau sebahagian daripada 200 rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) di daerah tersebut yang telah dan sedang dibaik pulih LKIM dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Seramai 582 nelayan aktif di kawasan berkenaan turut menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dengan kadar bayaran RM300 sebulan.

Dalam majlis sama, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyampaikan bantuan persekolahan kepada 130 orang murid Sekolah Kebangsaan Keniogan yang telah disumbangkan oleh Yayasan Nelayan Malaysia (YANEM) dengan peruntukan sebanyak RM6,500.

Kasih semua anggotanya... Program Kemasyarakatan bert... Bayan berprestasi... 3,370 ton minyak masak... bersubstansi, industri dirampas

# MAFI PRIHATIN KEPERLUAN NELAYAN

**● Ronald akan pastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan**

**MAFIA** (Majlis Amanah Fakulti Islam) akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain untuk memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan. Ronald berkata, sentiasa masyaf LKM ditentaskan adalah satu komitmen yang akan dipegang oleh MAFIA dalam memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.

Ronald berkata, sentiasa masyaf LKM ditentaskan adalah satu komitmen yang akan dipegang oleh MAFIA dalam memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.



**MAFIA BERSAMA** Ronald memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan yang dijalankan di Kampung Kemuning Belaga.

## Waktu Solat

**Waktu Solat**  
 Hari ini, 21 Mac 2022  
 Waktu Subuh: 05:58 AM  
 Waktu Tengah: 12:05 PM  
 Waktu Magrib: 07:05 PM  
 Waktu Isyak: 08:05 PM

## Tiada daerah di Sabah catat kes baharu tiga angka

**MAFIA** (Majlis Amanah Fakulti Islam) akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain untuk memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.

Ronald berkata, sentiasa masyaf LKM ditentaskan adalah satu komitmen yang akan dipegang oleh MAFIA dalam memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.

Ronald berkata, sentiasa masyaf LKM ditentaskan adalah satu komitmen yang akan dipegang oleh MAFIA dalam memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.

Ronald berkata, sentiasa masyaf LKM ditentaskan adalah satu komitmen yang akan dipegang oleh MAFIA dalam memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.



**MAFIA BERSAMA** Ronald memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan yang dijalankan di Kampung Kemuning Belaga.

## Wanita warga emas selamat ditemukan dalam hutan

**MAFIA** (Majlis Amanah Fakulti Islam) akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain untuk memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.

## Perlu langkah proaktif tangani isu penempatan semula mangsa kebakaran

**MAFIA** (Majlis Amanah Fakulti Islam) akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain untuk memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan.



**MAFIA BERSAMA** Ronald memastikan sentiasa masyaf LKM ditentaskan yang dijalankan di Kampung Kemuning Belaga.



罗纳建迪（前左）走在新建好的洋灰桥上，进行与民交流。

【山打根26日讯】农业及食品工业部长罗纳建迪说，农业及食品工业部会继续监督食品产业的供应，以确保供需达致平衡。

罗纳建迪今日在甘榜葛尼奥甘访问时指，政府在行动管制令开始，就对食品实施了管制措施，控制食品供应。不过，政府在监督食品产业的供需时也面对阻力，比如发生预料之外的事情，造成物价进一步上涨。

“比如说俄乌战争的发生，是意料之外的事情。这件事多少影响了食品产业链。由于这场战争导致物品价格进一步上扬，这也间接影响了大马农业食品的供应链。”

**长短期**

**介入食品产量控制**

罗纳建迪表示，政府已采取多项措施，包括短期和长期介入

**農業部監督食品供應 羅納建迪：雖面對挑戰**

食品产量控制，确保供应不会受到影响，同一时间也控制价格。

“其中，短期的介入措施就包括近期为鸡肉及鸡蛋拨出5亿令吉的补贴，为期4个月，确保鸡肉的价格保持在8令吉90仙。”

他说，尽管政府关心人民，惟随着无法预测的因素，如俄乌战争影响全球供应链，无可否认食品价格也会进一步上调。

**基建不足难发展农业**

另一方面，罗纳建迪也表示，马来西亚农业及食品工业部（MAFI）旗下的部门已在不少地方，根据当地需求，开始种植香蕉、菠萝、椰子或培养有机鸡肉。也是比鲁兰国会议员的罗纳建迪说，比鲁兰尽

管拥有足够的土地可以展开上述计划，惟由于基本设施的不足，当地居民需要依赖政府提供各项设施及援助，方能够展开这些计划。他希望在不久的将来，政府能够帮助到比鲁兰的居民，为他们准备各种基建及援助。



罗纳建迪（左三）移交大马渔民基金的援助品予葛尼奥甘国小学生。

**耗資近90萬 甘榜葛尼奧甘洋灰橋啟用**

【山打根26日讯】耗资89万8740令吉的甘榜葛尼奥甘（Kg Keniogon）的洋灰桥建设及启用。

联邦农业及食品工业部长兼比鲁兰区国会议员拿督罗纳建迪今日为这座桥主持启用礼。

由于年久失修桥板腐朽已不安全使用，农业部去年透过渔业发展局拨款89万8740令吉改建为洋灰桥。

**拨款300万修200屋**

罗纳建迪透露，甘榜葛尼奥甘的200所房屋，也获得渔业发展局拨款300万令吉进行修复工作。

他说，渔业发展局今年拨出逾1亿5000万作为渔民生活援助金，

每人将获得300令吉及享有柴油津贴等；有关款项将交予渔民公会会员，比鲁兰将



罗纳建迪（前排中）为甘榜葛尼奥甘洋灰桥主持启用礼。

有586名会员受惠。

**130学生获援助金**

另一方面，大马渔民基金局（YANEM）发放6500令吉援助金子

葛尼奥甘国小130名学生，由罗纳建迪主持移交仪式。

他较后走入当地社区与居民交流，并动手协助居民修复房屋。

**FREE / RMO RENTAL**  
DIGITAL COLOUR / COPIER  
SCAN  
PRINT  
COPY  
Call Bryan : 016 8102345

**收購**  
收購舊衣服、公仔和BAG  
• 膠衫RM1至RM2  
• 不同尺寸的旅行箱(LUGGAGE)  
H/P 019-8419838  
山打根/亞庇

## APMM rampas 46 bubu naga

**Kangar:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 46 bubu naga di kedudukan kira-kira 0.6 batu nautika dari barat pantai Kurung Tengar dekat sini, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata bubu berukuran 10 meter panjang itu dikesan pada jam 5.15 petang menerusi rondaan Op Aman.

"Pasukan bot ronda APMM melihat kain-kain berwarna merah mencurigakan terapung di permukaan air yang diikat pada pancang-pancang kayu disyaki penanda bubu naga dipercayai dipasang oleh individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab.

"Berikutan itu, pasukan bot ronda APMM melakukan pemeriksaan dan menemukan banyak bubu naga," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata semua bubu naga dianggar bernilai RM3,680 itu dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut.

"Pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan," katanya. BERNAMA



21/3/2022

SINAR  
HARIANMAHKAMAH &  
JENAYAH

20

## APMM rampas 46 set bubu naga di perairan Perlis

**KANGAR** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merampas 46 bubu naga di kedudukan kira-kira 0.6 batu nautika dari barat pantai Kurung Tengar dekat sini, petang semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, bubu berukuran lebih kurang 10 meter panjang itu dikesan pada 5.15 petang menerusi rondaan Op Aman.

“Pasukan bot ronda APMM melihat kain berwarna merah mencurigakan terapung di permukaan air dengan diikat pada pancang-pancang kayu dan disyaki penanda bubu naga dipercayai dipasang oleh individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab.

“Berikutan itu, pasukan bot ronda APMM melakukan pemeriksaan dan menemukan ba-

nyak bubu naga ditinggalkan di kawasan tersebut,” katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut beliau, kesemua bubu naga yang dianggarkan bernilai RM3,680 itu dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut.

“Pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

“Meraka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan,” katanya.

Mohd Hashim berkata, penggunaan bubu naga diharamkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia mulai 1 November 2018 kerana sifatnya yang selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain. - *Bernama*

## Rampas 46 bubu naga diharamkan

**Kangar:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 46 bubu naga di kedudukan kira-kira 0.6 batu nautika dari barat pantai Kurung Tengar dekat sini petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata bubu berukuran lebih kurang 10 meter panjang itu dikesan pada 5.15 petang menerusi rondaan Op Aman.

"Pasukan bot ronda APMM melihat terdapat kain-kain berwarna merah mencurigakan yang terapung di permukaan air yang diikat pada pan-



SEBANYAK 46 set bubu naga dirampas di sekitar perairan Kuala Perlis.

cang-pancang kayu disyaki penanda bubu naga dipercayai dipasang oleh individu atau kumpulan tidak ber-

tanggungjawab.

"Berikutan itu, pasukan bot ronda APMM melakukan pemeriksaan dan me-

nemukan banyak bubu naga ditinggalkan di kawasan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Di samping itu, beliau berkata, kesemua bubu naga yang dianggar bernilai kira-kira RM3,680 itu dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut.

Mohd Hashim berkata penggunaan bubu naga diharamkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia mulai 1 Nov 2018 kerana sifatnya yang selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

# APMM rampas 46 set bubu naga rosakkan ekosistem



SEBANYAK 46 set bubu naga yang dikampas APMM dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Perlis kelmarin.

**KANGAR** - Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis merampas 46 set bubu naga yang berisiko tinggi merosakkan ekosistem marin dan menjejaskan perolehan nelayan di perairan Kuala Perlis, dekat sini kelmarin.

Kesemua bubu naga itu ditemui dalam rondaan Op Aman kira-kira 0.6 batu nautika dari barat Pantai Kurong Tengah pada pukul 5.15 petang.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain berkata, hasil rondaan menemukan kain-kain

warna merah yang mencurigakan terapung di permukaan laut.

"Kain itu diikat pada pancang-pancang kayu yang berperanan sebagai penandaan lokasi oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab menyebabkan kami memperluaskan kawasan operasi dan menemui lebih banyak bubu naga.

"Modus operandi aktiviti penangkapan ikan menggunakan alat-alat tidak dibenarkan kali ini menunjukkan kesemua bubu naga itu diikat secara berangkai dan diletakkan batu bata sebagai

pemberat," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Hashim, setiap bubu naga yang dirampas itu berukuran 10 meter panjang dan kesemua rampasan bernilai RM3,680 dibawa ke jeti sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

Katanya, penggunaan bubu naga diharamkan oleh Jabatan Perikanan mulai 1 November 2018 kerana sifatnya yang selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

## 漁業局：年達18萬公噸

# 沙漁穫量冠全國

（亞庇18日訊）沙巴漁業局總監哥菲里基西表示，沙巴為海鮮天堂，擁有遼闊的海域及珊瑚礁，海鮮的產量豐富，每年的魚獲量高達17至18萬公噸，高居全國首或次位。

“与此同时，沙巴的海产养殖业，亦是国内数一数二。”

哥菲里基西今早在州漁業局接見沙巴中國總商會會長章哲劉順泰所率領的理事與會員拜訪團時，如此指出。

出席者包括該會副會長許能廣、蔡錦賢、周廷福、秘書長陳國維、副財政鍾鎮均、理事陳秋麟、于希品、何浴友及美礼光。

### 海产养殖受限土地权

哥菲里基西进一步指出，沙巴的海产养殖业仍然面对一些限制，特别是可供养殖用途的地段，因为土地权仍属于州土地测量局的范畴。

“沙巴拥有很多已被列为渔业发展保留区的地段，以便养殖海参、鲍鱼、虾、海蜇与海鱼等，投资者前来沙巴进行投资，亦需要适合的地段推行养殖业。”

### 拟建海产综合发展区

哥菲里基西说，州漁業局目前正与



劉順泰（右五）贈送紀念品予哥菲里（左六）。

州土地測量局洽商，以便推行海产综合发展区的计划。

哥菲里基西说，目前沙海产业基本设施发展尚不足，同时尚未拥有作为一站式的渔业工厂，现有位于亚庇的渔业销售机构（SAFMA）

码头，仅供渔船停泊及起卸海产的用途。他透露，政府有意在亚庇、古达、山打根及斗湖等地兴海产综合发展区的计划，但尚未拥有适合的地段。

“沙巴的海产业发展是具非常

巨大潜能的，但目前仍缺乏海产加工业，所出口的海产绝大部分都是直接出口的鱼。”

他希望沙海产业可往下游加工业发展，为本州赚取更丰厚的收入。

# Lepas sisa pencemaran lepas hujan?

**PETALING JAYA:** Berbentuk jeli berwarna putih dan berminyak.

Itu antara sifat fizikal bahan buangan kilang yang sering kali dilepaskan ketika hujan dan pada paras air meningkat naik.

Salah seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Midin berkata, bahan buangan tersebut juga seringkali dilepaskan ketika waktu senja di Sungai Selangor.

Dia yang hampir setiap hari memancing di sungai berkenaan berkata, kesan bahan buangan tersebut dapat dilihat pada ikan

yang terperangkap pada bubunya.

“Biasanya kalau ada udang atau ikan dalam bubu, pasti akan mati. Apabila hujan air sungai sudah pasti laju dan pada masa inilah mereka buang sisa-sisa kilang.

“Apabila bahan buangan itu dialirkan pada sungai, kita boleh lihat kesan seperti jeli berwarna putih dan berminyak,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohd. Hafiz berkata, walaupun tiada sampah di permukaan Sungai

Selangor, dia sering melihat kesan minyak sehingga kadangkala mengeluarkan bau.

Katanya, pencemaran tersebut bukan sahaja telah memberi kesan kepada kualiti air, tetapi hasil tangkapan yang semakin berkurangan setiap masa.

“Kadangkala, pencemaran ini susah nak kesan kerana paras air tidak menentu. Tapi kebiasaannya selepas hujan.

“Seingat saya sejarah paling teruk apabila timbul buih-buih sabun. Itulah paling teruk yang pernah dicatatkan,” katanya.

# Cari formula turunkan harga barang dahulu

**PETALING JAYA:** Kerajaan wajar mencari formula menurunkan harga barang keperluan terlebih dahulu bagi mengelak golongan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga berikutan keputusan kerajaan merealisasikan gaji minimum RM1,500.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL), Samsudin Mohd Fauzi berkata, dengan menaikkan had gaji minimum akhirnya membuat rakyat terpaksa membayar balik dengan kenaikan harga barang.

Menurut beliau, harga barang keperluan dan perkhidmatan dijangka mengalami inflasi pada April ini dikhuatiri menyebabkan langkah itu tidak memberi kesan positif kepada keperluan harian rakyat.

"Kerajaan tidak sepatutnya hanya mendengar pendapat kesatuan pekerja sahaja sebaliknya perlu mengambil pendapat persatuan pengguna. Mungkin kerajaan akan kelihatan popular dengan langkah ini tetapi popolar itu akhirnya akan memberi beban secara terus kepada rakyat yang akan menyebabkan inflasi, akhirnya memberi kesan



**KERAJAAN** disaran mencari formula terbaik dalam memastikan harga barang terus terkawal dan di paras rendah berikutan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 mulai 1 Mei ini. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

kepada kerajaan dan negara. "Dikhuatiri juga banyak peniaga peniaga kecil akan menutup operasi mereka kerana tidak mampu mengajikan pekerja. Tidak mungkin makkik kiah yang berniaga pi-sang goreng boleh membayar

gaji pekerja sekiranya makkik kiah nak mengembangkan lagi perniagaannya menggunakan pekerja lebih lima orang. "Pihak kami mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula perkara ini dan bagi menyelamatkan industri seder-

hana atau kecil. Dicadangkan pelaksanaan gaji minimum ini biarlah terpakai kepada syarikat syarikat yang modal berbayar melebihi lima juta serta bukan kepada syarikat syarikat yang sederhana atau kecil," katanya ketika dihubungi.

# Diberhentikan kerja, Yusri berjaya buka bisnes telur

Oleh **NOR-AINNA HAMZAH**  
utusannews@mediamulla.com.my

**REBAU:** Selepas diberhentikan kerja empat tahun lalu, seorang bekas eksekutif logistik sebuah kilang nekad untuk menceburkan diri dalam bidang penternakan itik penelur.

Walaupun bermula tanpa pengalaman, kini Yusri Alias, 55, sudah boleh menarik nafas lega apabila usahanya itu semakin hari semakin menampakkan hasil.

Dia yang dibantu isteri dan anaknya memberitahu, mampu menyediakan sebanyak 900 biji telur itik dalam tempoh seminggu untuk dipasarkan ke beberapa lokasi di sekitar Negeri Sembilan.

"Saya diberhentikan kerja sebagai eksekutif logistik selepas kilang tempat kerja saya mufis. + Bermodalkan RM1,000, saya minta kebenaran arwah bapa mentua untuk memulakan ternakan itik di kampung.

"Alhamdulillah, kami kini juga tidak menang tangan mengambal tempahan telur masin dengan jenama Barokah. Kami juga mampu membantu dengan



**YUSRI Alias (kanan) bersama anaknya Siti Nur Syamimi, 30, bersama itik penelur yang diusahakan di Kampung Pilin, Rembau. - UTUSAN/NOR-AINNA HAMZAH**

membeli telur itik daripada penternak kecil-kecilan yang lain bagi menampung permintaan," katanya ketika ditemui di Kampung Pilin di sini semalam.

Sementara itu, isterinya, Suriyaton Abdul Majid, 55, berkata, ramai penduduk kampung itu mampu membabitkan diri dalam

'bidang ternakan itik telur, namun, terbeban dengan kenaikan harga dedak yang begitu ketara.

"Masa mula-mula ternak, harga dedak seberat 50 kilogram adalah sekitar RM97, namun, kini sudah mencecah RM140. Kebiasaan satu hari kami memerlukan dua gumi dedak untuk

memastikan itik telur sentiasa menghasilkan telur berkualiti," katanya.

Menurutnya, dia amat berharap agar pihak kerajaan dapat mengambil langkah mengawal harga dedak bagi membolehkan golongan penternak tidak terbeban.

21/3/2022

THE SUN

NEWS

4

WITHOUT  
BORDERS

# Sour factors in fruit price hike

► Uncertain weather, off-season produce and Ukrainian conflict pushing up costs, say traders

■ BY MUHAMMAD YUSRY  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Several factors have caused the prices of imported seasonal fruits to rise since the start of the year, according to fruit traders.

Faiqah Che Fauzi, a fruit seller in Seri Kembangan, claimed that the price of apples had gone up by as much as RM20 per box as compared with last month.

"Imported Fuji apples used to be RM100 per box of 110, but it has now gone up to RM120 per box. It's the same with lemons, which used to cost RM98 per box of 80, but has now increased to RM110," she said.

The price of grapefruits has also increased by RM5 per box of 5kg, compared with RM25 per box last month. But other fruits such as bananas, mangoes and dragon fruit were not affected by price increases.

Faiqah said the increase was due to the uncertain weather and the fruit season.

"If a type of fruit is sold outside its season, of course the price will increase. Also, earlier this year, the cost of fertilisers increased and we

A trader has said that retail prices of imported fruit are expected to remain on an upward trend for as long as oil prices remain unstable.

—SYED

AZAHAR

SYED OSMAN

/THESUN



had to raise fruit prices to cover the cost," she said.

She said as Covid-19 cases in the country increased, demand for lemons and oranges went up because they are rich in Vitamin C, adding that she would try her best to sell fruits to her customers at reasonable prices despite the increase in cost price.

"Although the cost of fruits is

going up, I will not raise prices more than necessary. But all fruit sellers have had to increase prices slightly to cover additional costs," she said.

Fruit importer and exporter Khaishen Trading Sdn Bhd chief executive officer Jeffrey Tan said fruit prices have gone up gradually in the last couple of months. He said it was partially due to the invasion of Ukraine, that caused petrol prices to

rise and affected delivery costs. "When transport costs rise, it will affect costs across the fruit supply chain. Compared with the corresponding period last year, we have seen a double-digit increase in our operational costs."

"As long as fuel prices remain highly volatile, consumers should expect fruit prices to continue trending higher on a gradual basis."